

Kepada : Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/AKS/526/1 Jld. 3

Tarikh : 01 OKTOBER 2018
21 MUHARRAM 1440

Pemansuhan Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST)


Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana arahan kerajaan, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah dimansuhkan dan diganti dengan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) berkuatkuasa 1 September 2018. UPSI adalah tidak tertakluk kepada sistem cukai SST dan sebarang perkhidmatan atau jualan produk oleh UPSI tidak boleh dikenakan cukai seperti mana GST.

3. Bagi perolehan barang-barang atau peralatan yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, PTj boleh memohon kepada Unit Perolehan, Jabatan Bendahari untuk mendapatkan pengecualian bagi Cukai Jualan dan Perkhidmatan yang dikenakan oleh pengilang/pengeluar yang berdaftar dengan SST.


Sekian untuk maklumat dan perhatian tuan/puan. Terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



(KHADIJAH BINTI HAMDAN)
Bendahari

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (A&A)
Timbalan Naib Canselor (P&I)
Timbalan Naib Canselor (HEPA)



28 Ogos 2018
28 August 2018
P.U. (A) 210

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI) 2018

*SALES TAX (PERSONS EXEMPTED FROM PAYMENT
OF TAX) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI JUALAN 2018

PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA
PEMBAYARAN CUKAI) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 35(1)(b) Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan

2. (1) Tertakluk kepada perenggan 3, orang yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual A, Jadual B dan Jadual C dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan ke atas barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual A, Jadual B dan Jadual C tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual A, Jadual B dan Jadual C.

(2) Orang yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual A, Jadual B dan Jadual C hendaklah mengemukakan kepada pegawai cukai jualan yang hak atau pengilang berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam subsubperenggan 4(a)(i) dan 4(a)(ii), suatu sijil dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan ditandatangani oleh orang yang dinyatakan itu.

Takat pengecualian

3. Pengecualian yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diberikan sepenuhnya berkenaan dengan barang yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual A, Jadual B dan Jadual C melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam syarat yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual A, Jadual B dan Jadual C.

Masa apabila pengecualian berkuat kuasa

4. Pengecualian daripada pembayaran cukai jualan atas orang tersebut hendaklah mula berkuat kuasa—

- (a) jika pengecualian itu tertakluk kepada pengemukakan sijil—
 - (i) berkenaan dengan barang import, pada masa sijil tersebut dikemukakan kepada pegawai cukai jualan yang hak;
 - (ii) berkenaan dengan barang pengilangan tempatan, pada masa sijil tersebut dikemukakan kepada pengilang berdaftar;
- (b) dalam hal barang import lain, apabila pegawai cukai jualan yang hak yang kepadanya barang itu telah diisytiharkan, membenarkan pengimportan barang itu;
- (c) dalam hal barang pengilangan tempatan lain, apabila barang itu dilepaskan untuk dijual atau dilupuskan selainnya melalui jualan oleh pengilang berdaftar.

Syarat lain

5. (1) Mana-mana orang yang telah diberikan pengecualian hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) apa-apa barang yang diberikan pengecualian hendaklah tidak dilupuskan, dijual, dipindahkan dalam negara atau tidak diakaunkan, dengan syarat bahawa bayaran cukai telah dibuat; dan
- (b) mana-mana orang yang diberikan pengecualian hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang diimport atau dibeli dan rekod atau akaun itu tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa.

(2) Subperenggan (1)(a) tidak terpakai bagi orang yang dinyatakan dalam ruang (2) butiran 3 Jadual A.

(3) Mana-mana pengilang berdaftar yang dikecualikan daripada mengenakan dan memungut cukai jualan hendaklah menyimpan rekod atau mengakaunkan barang yang dikecualikan yang telah dijual atau dilupuskan kepada mana-mana orang yang diberi pengecualian dan rekod atau akaun itu disediakan untuk diperiksa oleh mana-mana pegawai kanan cukai jualan pada bila-bila masa.

(4) Jika apa-apa persoalan yang timbul sama ada apa-apa barang tertentu adalah atau tidak termasuk dalam kelas barang yang tertakluk kepada pengecualian, persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Menteri.

(1) Item No.	(2) Persons	(3) Goods Exempted	(4) Conditions	(5) Certificate to be signed by
			of the Authorised statutory bodies for research purpose only; (c) that they are used solely by the Authorised statutory bodies concerned and are not sold or otherwise disposed of except after payment of sales tax; (d) that their cost is charged to a vote appearing in the Authorised statutory bodies's Estimates and are not purchased out of any other funds.	
11.	Public higher education institution registered under the Education Act 1996, Universities and University Colleges Act 1971 [Act 30] and University Teknologi MARA Act 1976 [Act 173]	All goods excluding motor car and petroleum	(a) That the goods are imported or purchased from registered manufacturer by the University or University College concerned; (b) that they are used by the University or University College concerned for its own activities; (c) that they are not sold except after payment of sales tax.	The Vice Chancellor or such other officer authorized by him